

# Buletin

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Visi MAINPP - "Menjadi sebuah institusi yang unggul berteraskan konsep muamalah Islam dan kesejahteraan ummah"



Edisi Jun 2019



YAB Timbalan Perdana Menteri Menyantuni Salah Seorang Warga Emas Di Darul Hanan.

Tabung Wakaf Sumbangan Masjid  
- ms 08

Hari Wakaf Pulau Pinang - ms 04



Laman Web Rasmi : <http://www.mainpp.gov.my>



Twitter : @MAINPP\_



Facebook : <https://www.facebook.com/mainppg/>

# UCAPAN SELAMAT HARI RAYA

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**



Alhamdulillah, marilah kita menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan hidayah dan keizinan-Nya juga sekali lagi pada tahun ini kita dapat menyempurnakan ibadah puasa dan meraikan Aidilfitri yang mulia dalam suasana harmoni dan sejahtera. Di mana sahaja umat Islam berada, pasti akan merasai getaran takbir menyentuh jiwa mengagungkan kebesaran Illahi. Menjelang Syawal yang mulia di tahun ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada warga kerja Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Aidilfitri adalah hari kita menyambut kemenangan dan sebagai ganjaran kepada mereka yang sabar dan taat beribadah sepanjang berada di madrasah Ramadan.

Sambil kita bergembira di hari raya, teruskanlah tradisi ziarah menziarahi yang selama ini menjadi amalan kita. Ambillah peluang pertemuan di bulan yang penuh barakah ini sebagai medan saling bermaafan antara satu sama lain. Malah saya sentiasa percaya kita semua telah menjadi satu keluarga yang sentiasa menjaga kepentingan, kebaikan dan keperluan keluarga yang lain. Insya Allah di atas sokongan semua warga kerja MAINPP, saya berharap Syawal yang menjelang tiba bakal menjadi garis permulaan kepada kejayaan yang lebih besar. Saya percaya hari yang mulia ini memberi ruang kepada kita semua untuk merapatkan lagi jalinan ukhuwah sesama kita yang menjadi asas kepada pembentukan organisasi yang lebih kukuh dan dinamik.

Kepada semua warga MAINPP yang akan pulang ke kampung halaman untuk berhari raya, rancanglah perjalanan dengan baik dan pastikan periksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan. Patuhilah undang-undang lalulintas, pandu dengan cermat dan waspada bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini. Semoga kita semua selamat sampai ke destinasi masing-masing dan selamat kembali ke tempat bertugas.

Di kesempatan ini juga, saya memohon ampun dan maaf kepada semua warga MAINPP sepanjang tempoh saya menerajui jabatan ini.

Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri 1440 Hijrah. Maaf zahir dan batin.

Sekian, wassalam.

Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim,  
Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat kita bersama-sama sekali lagi pada tahun ini menyambut Hari Raya Aidilfitri 1440H. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua warga kerja Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan kepada seluruh umat Islam di Malaysia.

Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai kemenangan bagi mereka mengerjakan ibadat puasa Ramadan dengan sempurna. Kemenangan ini bukan saja menang kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum selama sebulan pada siang hari di bulan Ramadan, tetapi kemenangan menghalang diri daripada melakukan apa jua perkara yang dilarang.

Di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik sekali untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu. Ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi jalinan ukhwah yang sedia terjalin antara kita. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sekian dari saya dengan serangkap pantun;

Lemah gemalai tuan puteri  
Berkain cindai cantik sekali  
Pohon kemaafan di Aidilfitri  
Moga ukhuwah kekal abadi

Sekian, wassalam.

Haji Zulkifli bin Long,  
Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

## LAWATAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE KOMPLEKS WARGA EMAS, DARUL HANAN, PULAU PINANG



Aktiviti YAB Timbalan Perdana Menteri sepanjang Program Salam Ramadan

Pada 24 Mei 2019 telah diadakan Program Salam Ramadan Bersama YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia bertempat di Kompleks Warga Emas, Darul Hanan, Pongsu Seribu, Kepala Batas. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung ialah sesi memasak bubur lambuk, lawatan ke Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dimana terdapat homestay, bilik rawatan spa dan bilik gimnasium. Lawatan diteruskan lagi ke bilik fisioterapi yang turut dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada hari yang sama. Seterusnya, lawatan diteruskan ke bilik warga emas yang terlantar (*bed ridden*) dan YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga emas di kompleks tersebut.

# HARI WAKAF 2019/1440H



Sebahagian penyumbang bagi program Hari Wakaf Pulau Pinang 2019



Sebahagian penerima bagi program Hari Wakaf Pulau Pinang 2019

Hari Wakaf Pulau Pinang 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 17 Mei 2019 bersamaan 12 Ramadan 1440H bertempat di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Program ini yang diadakan dalam bulan Ramadan setiap tahun merupakan acara tahunan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk mengenang jasa pewakaf serta menterjemahkan peranan MAINPP sebagai pemegang amanah harta wakaf di negeri ini. Pada tahun 2018, keseluruhan pendapatan hasil wakaf yang telah berjaya dijana oleh MAINPP adalah sebanyak RM3.3 juta dan hasil wakaf tersebut akan diagihkan berdasarkan kepada amanah wakaf khas, wakaf am dan wakaf keluarga. Sumbangan ini merangkumi pemberian kepada 20 buah masjid, 6 buah surau, 30 buah institusi pendidikan dan 7 badan bukan kerajaan yang melibatkan keseluruhan pengagihan pada petang ini berjumlah RM955,940.00. Para penerima yang terpilih adalah berdasarkan kepada amanah pewakaf yang termaktub.

Pihak MAINPP sentiasa berusaha untuk memudahkan amalan berwakaf untuk umat Islam. Selain sumbangan yang boleh dibuat secara terus kepada MAINPP, sumbangan melalui potongan gaji dan secara atas talian boleh dilakukan melalui laman sesawang <http://www.danawakaf.com>.

# HARI WAKAF 2019/1440H



Majlis Berbuka Puasa TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersama dif-dif kehormat

Satu lagi kaedah baru sumbangan diperkenalkan iaitu melalui penggunaan Aplikasi Mudah Alih Snap 'N' Pay Dana Wakaf Pulau Pinang yang boleh diakses melalui telefon mudah alih. Pada hari berkenaan juga diadakan pelancaran Tabung Wakaf Sumbangan Masjid yang bertujuan untuk mengumpul dana wakaf melalui kutipan tabung di masjid-masjid seluruh negeri Pulau Pinang pada hari Jumaat untuk membiayai projek pembelian harta tanah bagi kepentingan Islam di negeri ini. Kaedah ini juga merupakan satu cara untuk mewujudkan jaringan dana kewangan umat Islam melalui institusi masjid sekaligus melibatkan masjid sebagai tuggak pembangunan ekonomi umat Islam sekaligus meninggikan syiar Islam melalui pembinaan entiti **masjid madani** di negeri ini.

MAINPP ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang hadir ke program ini serta dif-dif kehormat dan para jemputan yang lain yang hadir memeriahkan lagi program ini. Tidak lupa juga kepada agensi-agensi yang terlibat dalam membantu dan memberi sokongan padu kepada pihak MAINPP sehingga terlaksananya program Hari Wakaf ini.

## LAWATAN KEBAJIKAN DI KEDIAMAN L/KPL MUHAMAD ALIFF

Sebagai menghargai pengorbanan & jasa beliau sewaktu menyertai Ops Roboh di Tanah Wakaf Masjid Abdul Cauder, Jalan Mengkuang, Tuan Hj Fakhruddin B. Abd Rahman bersama-sama dua orang pegawai MAINPP telah sudi meluangkan masa untuk melawat L/Kpl Muhamad Aliff Bin A Rahman, anggota Balai Polis Tasek Gelugor di kediaman beliau. Turut serta pada lawatan tersebut YDH Supt. Siti Nor Salawati Bt Saad (Tim. KPD SPU).

L/Kpl Muhamad Aliff telah mengalami kecederaan ligamen terkoyak dan bengkak lutut kiri akibat dipijak oleh perusuh semasa bertugas mengawal keadaan pada 7 Mac 2019. Sebelum kejadian ini, kaki kiri beliau pernah menjalani pembedahan.

Terima kasih sekali lagi diucapkan.  
Jasa kalian amat kami sanjungi



## KELAHIRAN CAHAYA MATA KEDUA PUAN NOOR DIANA BINTI NOORAZIS

Puan Noor Diana binti Noorazis, Penolong Pegawai Komunikasi Korporat MAINPP telah selamat melahirkan cahaya mata keduanya pada 24 April 2019.

Pengurus Baitulmal, Tuan Haji Shamsul Bahar dan beberapa kakitangan MAINPP telah berbesar hati menziarahi Puan Noor Diana pada 15 Mei 2019 dan menyampaikan sumbangan daripada Badan Kebajikan Anggota MAINPP. Tahniah diucapkan kepada Puan Noor Diana dan suaminya Encik Saiful Mizan. Semoga ibu dan bayi sihat.



## **ADAB-ADAB ZIARAH MENZIARAH DI BULAN SYAWAL**

Dalam kegembiraan kita menyambut Aidilfitri di bulan Syawal ini, mari kita tekuni adab-adab yang perlu kita ketahui tatkala menziarahi sanak saudara, jiran tetangga, rakan taulan dan saudara mara selslam yang lain. Antaranya adalah seperti berikut:

i) Mempunyai Niat Yang Baik

Amalan ziarah-menziarahi sesama Muslim banyak manfaatnya, antaranya mendekatkan yang jauh, mendamaikan pihak yang bersengketa dan seterusnya, mengeratkan lagi silaturrahim yang terbina.

ii) Meminta Izin Untuk Datang Berziarah

Sebagai tetamu, sebaiknya kita meminta izin terlebih dahulu dengan tuan empunya rumah untuk menziarahinya. Adalah lebih baik jika dihubungi terlebih dahulu salah seorang ahli keluarga tersebut untuk memaklumkan kedatangan kita, supaya mereka turut bersedia menerima kunjungan kita dengan hati yang lapang dan memudahkan urusan kita untuk mengurus masa, jika sekiranya tuan rumah tiada di rumah.

iii) Memberi Salam

Dalam Islam, kita diajar untuk memberi salam sebelum masuk ke dalam mana-mana tempat sekalipun rumah kita sendiri. Sebagai tetamu, maksimum untuk kita memberi salam kepada tuan rumah yang hendak dikunjungi adalah sebanyak 3 kali. Hal ini seperti saranan Baginda Nabi SAW yang menyatakan cukup sekadar 3 kali untuk memberi salam. Adapun jika kali ketiga tiada sesiapa yang menjawab atau menyahut panggilan salam itu, sebaiknya kita pulang.

iv) Memilih Masa Yang Sesuai

Sebaiknya, pilihlah masa yang bersesuaian untuk melakukan aktiviti ziarah iaitu tidak terlalu awal pagi seperti selepas solat Subuh dan tidak terlalu lewat malam kerana dibimbangi menganggu waktu rehat mereka.

v) Tidak Berlama-Lama

Ziarah-menziarahi sememangnya amalan yang mulia dan perlu diterapkan dari generasi ke generasi walau sudah berzaman. Namun, perlu dititikberatkan juga agar kita sebagai tetamu tidak berlama-lama di rumah yang dikunjungi bagi memberi ruang kepada tuan rumah dan menghormati privasi mereka untuk melakukan aktivitinya yang lain.

vi) Berterima Kasih Kepada Tuan Rumah

Akhir sekali, seharusnya kita mengucapkan rasa syukur dan ucapan terima kasih kepada tuan rumah atas layanan dan hidangan jamuan yang disediakan serta di atas kesudian mereka meluangkan masa untuk menerima kita sebagai tetamunya.

## **PUASA SUNAT ENAM HARI DI BULAN SYAWAL**

Bulan Ramadan telah berlalu meninggalkan kita dan Syawal hadir sebagai pengganti kepada seluruh umat Islam. Adalah menjadi lumrah kehidupan kita sebagai insan yang lemah apabila berlalunya Ramadan, maka akan semakin berkurangan segala amal ibadah yang dilakukan kerana keistimewaan Ramadan itu tersendiri. Sehubungan itu, bagi menjamin kesungguhan istiqamah dalam ibadah khususnya berkaitan puasa Ramadan, umat Islam dianjurkan supaya melakukan amalan puasa sunat enam Syawal.

Tuntutan puasa enam ini juga -dise-but oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:


Baginda SAW ber-sabda yang bermaksud: “Sesiapa yang mengerjakan puasa pada bulan Ramadan dan enam hari selepas hari raya, dia telah menyempurnakan puasa sepanjang tahun. Ini kerana sesiapa yang mengerjakan kebaikan, dia akan mendapat ganjaran sebanyak 10 kali ganda.”(Hadis Riwayat Nasa’i).

Antara faedahnya lagi adalah sebagai bukti dan cara kita bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang diberikan sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Di samping itu, puasa enam ini sebagai penyambung bagi amalan puasa yang dilaksanakan di dalam bulan Ramadan bertujuan mendekatkan diri dengan Allah SWT tidak terhenti begitu sahaja pada bulan Syawal ini. Oleh itu, dalam kesempatan baki Syawal yang ada ini, marilah kita berazam dan berusaha untuk melaksanakan puasa enam ini. Bagi yang belum bermula, tanamkan keazaman dan keyakinan bahawa kita mampu untuk melaksanakannya walaupun dalam suasana meraikan Aidilfitri yang gembira ini.

## TABUNG WAKAF SUMBANGAN MASJID

Cadangan penubuhan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.3/2018 pada 22 November 2018. Idea penubuhan tabung ini bertujuan mengumpul dana melalui kutipan Jumaat di masjid-masjid seluruh negeri Pulau Pinang bagi membiayai projek pembelian tanah dan hartanah bagi kepentingan Islam di negeri ini.


Setakat ini, sumbangan dana wakaf telah diperuntukkan untuk pembelian tapak-tapak masjid seperti berikut:




Masjid Papan Kg. Pertama, Permatang Pauh  
Lot 1345, Mukim 4, Seberang Perai Tengah  
(0.143 ekar) RM622,908.00 Tahun 2018



Masjid Jamek Kg. Mengkuang Sg. Lembu,  
Bukit Mertajam.  
Lot 845, Mukim 18, Seberang Perai Tengah  
( 0.79 ekar) RM484,000.00 Tahun 2015



Masjid Jamek Ridwaniah, Sungai Batu, Teluk  
Kumbar.  
Lot 886 & 887, Mukim 11,  
Daerah Barat Daya  
( 0.26 ekar) RM355,000.00 Tahun 1998



Masjid Jamek Munawwar, Jalan Kelawai,  
Georgetown. Lot 1286, Sek. 4, Georgetown,  
Daerah Timur Laut (0.17 ekar)  
RM895,000.00 Tahun 2005

## BERWAKAF LEBIH MUDAH DENGAN APLIKASI **SnapNPay**

### DANA WAKAF TUNAI

#### PROSEDUR PEMBAYARAN:

- Boleh Muat turun aplikasi di



- Muat turun aplikasi



INSTALL

- Kemudian pilih

- Waqaf
- Wakaf Pulau Pinang
- Imbas Imej QR Wakaf Pulau Pinang
- Pilih/Masukan amaun sumbangan anda
- Ikuti langkah yang dipaparkan
- Selesai

Dengan Kerjasama:-  
**BANK ISLAM**